



31 Disember 2021
31 December 2021
P.U. (A) 501

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN) (NO. 13) 2021

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 13) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECEUALIAN) (NO. 13) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 13) 2021**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2022.

Tafsiran

2. Bagi maksud Perintah ini—

“individu bukan warganegara Malaysia” ertinya individu bukan warganegara Malaysia selain—

(a) peserta program *Malaysia My Second Home* dan tanggungannya;

(b) pemegang pas pelajar Malaysia dan tanggungannya; dan

(c) pemegang permit kerja Malaysia dan tanggungannya.

“nilai peningkatan eksport” ertinya perbezaan antara nilai eksport perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dalam tempoh asas itu dan tempoh sebelum sahaja tempoh asas itu;

“pelanggan asing” ertinya suatu syarikat, suatu perkongsian, suatu organisasi atau syarikat kerjasama yang diperbadankan atau didaftarkan di luar negara Malaysia atau seseorang individu bukan warganegara Malaysia atau warganegara Malaysia bukan pemastautin yang tinggal di luar negara dan tanggungannya; dan

“perkhidmatan jagaan kesihatan swasta” ertinya perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan di Malaysia atau dari Malaysia kepada pelanggan asing.

Pengecualian

3. Menteri mengecualikan seseorang yang bermastautin di Malaysia daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh daripada eksport perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran, mengikut amaun dan cara yang ditetapkan dalam perenggan 4.

Amaun pendapatan yang dikecualikan

4. (1) Amaun pendapatan yang disebut dalam perenggan 3 berhubung dengan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta hendaklah bersamaan dengan seratus peratus daripada nilai peningkatan eksport.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), orang yang disebut dalam perenggan 3 itu hendaklah tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) sekurang-kurangnya sepuluh peratus daripada jumlah keseluruhan pesakitnya terdiri daripada pelanggan asing yang telah mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dalam setiap tahun taksiran; dan

(b) sekurang-kurangnya sepuluh peratus daripada pendapatan kasarnya dijana daripada pelanggan asing yang telah mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dalam setiap tahun taksiran.

(3) Jika suatu amaun pendapatan yang bersamaan dengan seratus peratus daripada nilai peningkatan eksport telah ditentukan bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan berkanun perniagaan orang itu bagi tahun taksiran itu, yang bersamaan dengan nilai peningkatan eksport itu (atau dengan amaun agregat apa-apa nilai peningkatan eksport itu, mengikut

mana-mana yang berkenaan) tetapi tidak melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan berkanun itu, hendaklah dikecualikan daripada cukai.

Pendapatan berkanun

5. (1) Pendapatan berkanun daripada perniagaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dalam tempoh asas suatu tahun taksiran itu hendaklah ditentukan selepas memotong elaun di bawah Jadual 3 Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu dibuat.

(2) Jika sesuatu aset yang digunakan bagi maksud perniagaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta adalah juga digunakan bagi maksud suatu perniagaan selain perniagaan itu, maka elaun di bawah Jadual 3 Akta hendaklah dipotong sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira setakat aset itu digunakan bagi maksud perniagaan yang pertama disebut itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberi apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

(4) Jika oleh sebab sekatan tujuh puluh peratus daripada pendapatan berkanun atau ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun daripada suatu perniagaan orang itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pengecualian tidak boleh diberikan atau tidak boleh diberikan sepenuhnya kepada amaun bagi nilai peningkatan eksport yang ditentukan yang berhak diberikan kepada orang itu bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak daripada amaun itu atau amaun agregat itu yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah diberikan kepada orang itu bagi tahun taksiran pertama yang berikutnya dalam tempoh asas yang terdapat pendapatan berkanun daripada perniagaan itu, dan bagi tahun taksiran berikutnya sehinggalah orang itu menerima keseluruhan amaun atau amaun agregat yang orang itu berhak mendapatnya.